

## **TERMS AND CONDITIONS**

### **TRUE BANKING MEMBERSHIP PROGRAMME**

#### **1. DEFINITION**

- 1.1 “Bank” means AmBank (M) Berhad (Company No. 8515-D) and/or AmBank Islamic Bank Berhad (Company No. 295576-U).
- 1.2 “AmBank Signature Priority Banking Member” means a customer of the Bank that has been accorded priority banking status under the terms and conditions of membership of AmBank Signature Priority Banking.
- 1.3 “TRUE Banking” or “TRUE Banking Membership Programme” means a membership programme offered to the Customers who fulfill the Eligibility Criteria under Clause 3.1 hereof, whereby the programme comprises of products, services, privileges, preferential loan or banking account interest rates or preferential fees or charges or waivers thereof, offered by the Bank or which may be offered by the Bank from time to time to the Customers under TRUE Banking.
- 1.4 “TRUE Banking Terms and Conditions” means the terms and conditions set out below.
- 1.5 “Customer” means an eligible person who has been accepted by the Bank as a TRUE Banking Customer.
- 1.6 “Eligibility Requirements” means the requirements for TRUE Banking membership as defined in Clause 3.1 hereof or any other requirements or conditions as may be imposed by the Bank from time to time at its sole and absolute discretion.
- 1.7 “Payroll Account” means a savings or current account, or savings account-i or current account-i, maintained for the purposes of salary crediting by Customers who are employees of companies under any payroll crediting, cash management or other banking solutions offered by the Bank for the purposes of payment of the companies’ staff salaries.
- 1.8 “TRUE Banking Helpline” means the Bank’s helpline bearing the phone number +603-21788999 (or such other phone number that the Bank may assign by notification to the Customer) for the purpose of communication between the Customer and the Bank in relation to the services provided by the Bank herein.

#### **2. TRUE BANKING MEMBERSHIP**

- 2.1 TRUE Banking membership is offered by way of invitation by the Bank, based on the qualifying criteria set out hereunder Clause 3.1 or any other eligibility criteria that may be determined and imposed at the discretion of the Bank.
- 2.2 In addition to the Eligibility Requirements under Clause 3.1 hereof, the Customer must fulfill the following:
  - 2.2.1 The Customer is not an AmBank Signature Priority Banking Member;

- 2.2.2 The Customer has not defaulted in any loans or facilities granted by the Bank or any other financial institutions; and
- 2.2.3 The Customer has not breached any other conditions that the Bank may impose at its absolute discretion from time to time or at any time.
- 2.3 Notwithstanding Clause 2.2 and Clause 3.1 herein, the Bank reserves the right to review the Eligibility Requirements from time to time and the acceptance and continuance as a Customer will be entirely at the discretion of the Bank.

### **3. ELIGIBILITY REQUIREMENTS**

- 3.1 Unless decided otherwise by the Bank, the Customer shall fulfil the following requirements:
  - 3.1.1 Maintain a **minimum total investment** and/or **deposit** of **RM50,000.00** at **all times** or such other amount as the Bank may determine from time to time in any investment account and/or deposit account with the Bank. Where the investment and/or deposit is made under the Customer's joint account, the Customer must be the primary account holder; or
  - 3.1.2 Maintain a **Payroll Account** with the Bank whereby a **minimum of RM10,000.00** in aggregate is deposited **per month** into the Payroll Account for salary crediting purposes.

### **4. TERMINATION OF TRUE BANKING**

- 4.1 Failure to maintain the Eligibility Requirements throughout the TRUE Banking membership may lead to termination, restriction or suspension of usage of the TRUE Banking by the Customer at the Bank's sole discretion upon twenty-one (21) days' notice given to the Customer.
- 4.2 Termination of usage and/or enjoyment of TRUE Banking granted to the Customer may also be brought about by the following:
  - 4.2.1 When the Customer commits a default in any loans or facilities granted to him by the Bank or any other financial institutions;
  - 4.2.2 Upon death or insanity of the Customer or if the Customer commits an act of bankruptcy; or
  - 4.2.3 If there is any change in law or regulation which makes it impossible or unlawful for the Bank to continue to make available TRUE Banking.
- 4.3 The Customer may also terminate his/her TRUE Banking membership by giving one (1) month written notice to the Bank.

- 4.4 Notwithstanding the above or any other terms and conditions herein, the Bank reserves the right to suspend or terminate the Customer's TRUE Banking membership upon giving a minimum of twenty-one (21) days' notice to the Customer. Upon the suspension or termination of TRUE Banking, the Customer shall cease to enjoy all benefits accorded under TRUE Banking.
- 4.5 The Bank shall not, under any circumstances, be held liable for any damages or loss suffered or incurred by the Customer or any third party, in respect of:
- 4.5.1 any privileges and/or services provided and/or statements, representations, communications made in relation to or arising under TRUE Banking; and/or
- 4.5.2 arising from the Bank's action in terminating, amending, modifying, revising, restricting and/or suspending TRUE Banking.

## **5. TRUE BANKING MEMBERSHIP PROGRAMME**

- 5.1 The Bank may from time to time offer features, benefits, privileges or rewards under the TRUE Banking Membership Programme to the Customer. The Bank shall be at liberty to set or impose any terms and conditions in relation to TRUE Banking. The full list of the features, benefits, privileges and rewards can be viewed at the Bank's website at [www.ambankgroup.com.my](http://www.ambankgroup.com.my). All such features, benefits, privileges and rewards may be revised from time to time at the Bank's sole discretion.
- 5.2 The Bank reserves the right upon giving twenty one (21) days' notice to the Customer to terminate, amend, modify, revise, restrict or suspend all or any of the TRUE Banking features, benefits, privileges or rewards made available or to be made available to the Customer without incurring any liability to the Customer.
- 5.3 The Bank reserves the right, upon giving twenty one (21) days' notice, to set further terms and conditions for compliance by the Customer before the Customer is permitted to enjoy the relevant TRUE Banking benefits designated by the Bank from time to time.
- 5.4 The Customer is bound by the respective banking product, services, investments, privileges and programmes' prevailing terms and conditions, in addition to the terms and conditions herein.

## **6. IMPORTANT NOTICES**

- 6.1 The Bank reserves the right, upon giving twenty-one (21) days notice, to add, delete or amend any of the TRUE Banking Terms and Conditions herein at any time. Any variations, additions, deletions or amendments ("the Amendment") to the provisions herein shall be binding on the Customer and the Bank is deemed to have sufficiently notified the Customer of the Amendment:
- 6.1.1 by displaying a notice at any of the Bank's premises and website regarding the Amendment where detailed provisions regarding the Amendment may be provided in the notice itself or may be provided to the Customer upon request; or
- 6.1.2 by a notice being sent by the Bank to the Customer's last known address; or

6.1.3 by advertising in any newspaper of the Bank's choice; or

6.1.4 by electronic mail or by any other means of notification which the Bank may select and the Amendment shall be deemed binding on the Customer as from the date of notification of the Amendment or from such other date as may be specified by the Bank in the notification.

6.2 The Customer acknowledges that TRUE Banking is personal and non-transferable.

6.3 All statements of account, notices or any other communication sent by post to the Customer at the Customer's last known address stated in the Bank's records, or any other of the Customer's address that the Bank may decide at its absolute discretion, shall be deemed to have been duly received by the Customer within seven (7) days of posting.

6.4 The Customer shall promptly notify the Bank in writing, within fourteen (14) days from the date the Customer receives or is deemed to have received the statements of account from the Bank, of any omission, incorrect entries, debits wrongly made, error, discrepancy or inaccuracy of any kind whatsoever in the statements of account failing which, the Customer shall be deemed to have accepted the entries contained therein made up to date of the last entry in the statements of account as correct, final, conclusive, and the same shall be binding on the Customer and the Customer shall be precluded from making any claims against the Bank by alleging that the statements of account issued by the Bank contains any omission, incorrect entries, debits wrongly made, error, discrepancy or inaccurate entry.

6.5 Time shall be of the essence herein but the Bank's failure in exercising or delay in exercising or enforcing its rights, powers, privileges or remedies against the Customer shall not operate as a waiver thereof nor shall any partial exercise of any rights, powers, privileges or remedies prejudice or affect the Bank's rights to subsequently act strictly in accordance therewith.

6.6 The illegality, invalidity or unenforceability of any of the TRUE Banking Terms and Conditions shall not affect the legality, validity or enforceability of any other TRUE Banking Terms and Conditions herein.

6.7 The TRUE Banking Terms and Conditions herein shall be subject to, governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of the relevant regulatory bodies &/or authorities in force from time to time. The Customer submits to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

6.8 Notwithstanding anything herein, the Bank's rights and entitlement under this TRUE Banking Terms and Conditions shall continue to remain in force and effect and shall survive any termination or suspension of TRUE Banking membership by the Bank.

6.9 The TRUE Banking Terms and Conditions herein shall continue to be valid and binding notwithstanding any transfer or assignment of business, operations, assets or liabilities of the Bank or any change in the Bank or any company by which the business of the Bank may for the time being is carried on and/or the death of the Customer.

- 6.10 The TRUE Banking Terms and Conditions herein stated shall be in addition to, and not in derogation of, any specific arrangement with regards to the use of TRUE Banking now or hereafter subsisting between the Bank and the Customer, or any terms and conditions as may be specified in any letter given by the Bank to the Customer from time to time.
- 6.11 These TRUE Banking Terms and Conditions shall be binding upon the heirs, personal representatives and successors-in-title of the Bank and the Customer respectively, and the rights and obligations of the Customer herein cannot be assigned for any reasons whatsoever.
- 6.12 All previous terms and conditions, rules and regulations, agreements or arrangements, if any, made between the Bank and the Customer, either in writing or verbal, in respect of the TRUE Banking are hereby cancelled or superseded by these TRUE Banking Terms and Conditions.
- 6.13 These TRUE Banking Terms and Conditions are in addition and subject to the agreement and/or rules and regulations governing the operation, services, benefits and privileges in relation to and/or arising under the account(s) of the Customer maintained with the Bank.

## **7. PRIVACY CLAUSE**

- 7.1 The Customer hereby confirms that the Customer has read, understood and agreed to be bound by the **AmBank Group Privacy Notice** which is available at **[www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)** and the clauses herein, as may relate to the processing of the Customer's personal information. For the avoidance of doubt, the Customer agrees that the said Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into these TRUE Banking Terms and Conditions.
- 7.2 In the event the Customer provides personal and financial information relating to third parties, including information relating to the Customer's next-of-kin and dependents, for the purpose of opening or operating the Customer's account(s)/facility(ies) with the Bank or otherwise subscribing to the Bank's products and services, the Customer:
- 7.2.1 confirms that the Customer has obtained their consent or are otherwise entitled to provide this information to the Bank and for the Bank to use it in accordance with these TRUE Banking Terms and Conditions;
- 7.2.2 agrees to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate;
- 7.2.3 agrees to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information; and
- 7.2.4 agrees to the Bank's right to terminate these TRUE Banking Terms and Conditions and/or TRUE Banking should such consent be withdrawn by any of the said third parties.
- 7.3 The Bank may use any credit reporting/reference agency for the purpose of, including but not limited to:

- 7.3.1 check details on applications for credit and/or credit-related or other facilities; manage credit and/or credit-related accounts or facilities, including conducting review of the Customer's portfolio(s); and/or recover debts. The Customer will be linked by credit reporting/reference agencies to any other names the Customer uses or have used and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the Customer and how the Customer manages the Customer's account(s)/facility(ies) with the relevant credit reporting/reference agencies.
- 7.4 Even after the Customer has provided the Bank with such information, the Customer will have the option to withdraw the consent given earlier. In such instances, the Bank will have the right to not provide or discontinue the provision of any product, service, account(s) and/or facility(ies) that is/are linked with such information.
- 7.5 For the purposes of this Clause 7, the AmBank consists of AmBank (M) Berhad and all its related companies as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, excluding companies, branches, offices and other forms of presence operating outside Malaysia, and the use of the words "the Bank" and "the Bank's" are to be read as references to the AmBank Group.
- 7.6 This Clause 7 shall be without prejudice to any other clause in these TRUE Banking Terms and Conditions which provides for the disclosure of information.

-End-

## TERMA DAN SYARAT

### PROGRAM KEAHLIAN PERBANKAN TRUE

#### 1. DEFINISI

- 1.1 “Bank” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D) dan/atau AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U).
- 1.2 “Ahli Perbankan Prioriti AmBank Signature” bermaksud pelanggan Bank yang telah diberikan status perbankan prioriti di bawah terma dan syarat keahlian Perbankan Prioriti AmBank Signature.
- 1.3 “Perbankan TRUE” atau “Program Keahlian Perbankan TRUE” bermaksud program keahlian yang ditawarkan kepada Pelanggan yang memenuhi Kriteria Kelayakan di bawah Klausula 3.1, yang mana program tersebut mengandungi produk, perkhidmatan, keistimewaan, pinjaman keutamaan atau kadar faedah akaun perbankan atau yuran keutamaan atau caj-caj atau penepian darinya, yang ditawarkan oleh Bank atau yang mungkin akan ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa kepada Pelanggan di bawah Perbankan TRUE.
- 1.4 “Terma dan Syarat Perbankan TRUE” bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di bawah.
- 1.5 “Pelanggan” bermaksud seseorang yang layak yang telah diterima oleh Bank sebagai Pelanggan Perbankan TRUE.
- 1.6 “Keperluan Kelayakan” bermaksud keperluan untuk keahlian Perbankan TRUE seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 3.1 selepas ini atau mana-mana keperluan atau syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlakannya.
- 1.7 “Akaun Senarai Gaji” bermaksud akaun simpanan atau semasa atau akaun simpanan-i atau semasa-i, yang disenggara bagi tujuan pengkreditan gaji oleh Pelanggan yang merupakan kakitangan syarikat di bawah sebarang pengkreditan gaji, pengurusan tunai atau lain-lain penyelesaian perbankan yang ditawarkan oleh Bank bagi tujuan pembayaran gaji kakitangan syarikat berkenaan.
- 1.8 “Talian Bantuan Perbankan TRUE” bermaksud talian bantuan Bank dengan nombor telefon **+603-21788999** (atau nombor telefon lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan) bagi tujuan komunikasi antara Pelanggan dan Bank berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank di dalam ini.

#### 2. KEAHLIAN PERBANKAN TRUE

- 2.1 Keahlian Perbankan TRUE ditawarkan melalui jemputan oleh Bank, berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan di bawah Klausula 3.1 atau sebarang kriteria kelayakan yang lain yang mungkin akan ditentukan dan dikenakan menurut budi bicara Bank.
- 2.2 Sebagai tambahan kepada Keperluan Kelayakan di bawah Klausula 3.1 selepas ini, Pelanggan hendaklah memenuhi yang berikut:

- 2.2.1 Pelanggan bukan Ahli Perbankan Prioriti AmBank Signature;
- 2.2.2 Pelanggan tidak ingkar dalam sebarang pinjaman atau kemudahan yang diberikan oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain; dan
- 2.2.3 Pelanggan tidak melanggar mana-mana syarat lain yang mungkin akan dikenakan oleh Bank menurut budi bicaranya dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa.

2.3 Walau apapun yang dinyatakan dalam Klausula 2.2 dan Klausula 3.1 di dalam ini, Bank berhak untuk menyemak Keperluan Kelayakan dari semasa ke semasa dan penerimaan dan penerusan sebagai seorang Pelanggan akan terserah sepenuhnya kepada budi bicara Bank.

### **3. KEPERLUAN KELAYAKAN**

3.1 Kecuali ditetapkan sebaliknya oleh Bank, Pelanggan hendaklah memenuhi keperluan yang berikut:

- 3.1.1 Mengekalkan **jumlah pelaburan minimum** dan/atau **deposit** sebanyak **RM50,000.00** pada **setiap masa** atau lain-lain jumlah yang sedemikian seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dalam mana-mana akaun pelaburan dan/atau akaun deposit dengan Bank. Di mana pelaburan dan/atau deposit dibuat di bawah akaun bersama Pelanggan, Pelanggan hendaklah menjadi pemegang akaun utama; atau
- 3.1.2 Mengekalkan **Akaun Senarai Gaji** dengan Bank di mana **minimum RM10,000.00** dalam agregat didepositkan **setiap bulan** ke dalam Akaun Senarai Gaji bagi tujuan pengkreditan gaji.

### **4. PENAMATAN PERBANKAN TRUE**

4.1 Kegagalan untuk mengekalkan Keperluan Kelayakan di sepanjang keahlian Perbankan TRUE boleh membawa kepada penamatan, pengehadan atau penggantungan penggunaan Perbankan TRUE oleh Pelanggan menurut budi bicara mutlak Bank selepas notis dua puluh satu (21) hari diberikan kepada Pelanggan.

4.2 Penamatan penggunaan dan/atau penikmatan Perbankan TRUE yang diberikan kepada Pelanggan juga boleh disebabkan oleh yang berikut:

- 4.2.1 Apabila Pelanggan melakukan keingkaran dalam mana-mana pinjaman atau kemudahan yang diberikan kepadanya oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain;
- 4.2.2 Apabila berlaku kematian atau hilang kewarasan di pihak Pelanggan atau jika Pelanggan melakukan tindakan kebankrapan; atau



- 4.2.3 Jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikan mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk terus menyediakan Perbankan TRUE.
- 4.3 Pelanggan juga boleh menamatkan keahlian Perbankan TRUEnya dengan memberi satu (1) bulan notis bertulis kepada Bank.
- 4.4 Walau apa pun yang dinyatakan di atas atau mana-mana terma dan syarat lain di sini, Bank berhak untuk menggantung atau menamatkan keahlian Perbankan TRUE Pelanggan selepas memberi notis selama dua puluh satu (21) hari minimum kepada Pelanggan. Selepas penggantungan atau penamatan Perbankan TRUE, Pelanggan tidak lagi akan menikmati semua manfaat yang diberikan di bawah Perbankan TRUE.
- 4.5 Bank tidak akan, di bawah apa-apa keadaan sekali pun, dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerosakan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga, yang berkaitan dengan:
- 4.5.1 sebarang keistimewaan dan/atau perkhidmatan yang disediakan dan/atau kenyataan, representasi, komunikasi yang dibuat berhubung dengan atau yang timbul di bawah Perbankan TRUE; dan/atau
- 4.5.2 yang timbul daripada tindakan Bank dalam menamatkan, meminda, mengubah suai, menyemak, menyekat dan/atau menggantung Perbankan TRUE.

## **5 PROGRAM KEAHLIAN PERBANKAN TRUE**

- 5.1 Bank boleh, dari semasa ke semasa menawarkan ciri-ciri, manfaat, keistimewaan atau ganjaran di bawah Program Keahlian Perbankan TRUE kepada Pelanggan. Bank bebas untuk menetapkan atau mengenakan sebarang terma dan syarat berhubung dengan Perbankan TRUE. Senarai penuh ciri-ciri, manfaat, keistimewaan dan ganjaran boleh dilihat di laman web Bank di [www.ambankgroup.com.my](http://www.ambankgroup.com.my). Semua ciri-ciri, manfaat, keistimewaan dan ganjaran yang sedemikian boleh disemak dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank.
- 5.2 Bank berhak, selepas memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan, untuk menamatkan, meminda, mengubah suai, menyemak, mengehadikan atau menggantung semua atau mana-mana daripada ciri-ciri, manfaat, keistimewaan atau ganjaran Perbankan TRUE yang disediakan atau akan disediakan kepada Pelanggan tanpa mendatangkan apa-apa liabiliti kepada Pelanggan.
- 5.3 Bank berhak, selepas memberi notis selama dua puluh satu (21) hari, untuk menetapkan terma dan syarat selanjutnya untuk dipatuhi oleh Pelanggan sebelum Pelanggan dibenarkan menikmati manfaat Perbankan TRUE yang berkaitan yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 5.4 Pelanggan adalah terikat dengan terma dan syarat lazim produk, perkhidmatan, pelaburan, keistimewaan perbankan yang berkaitan dan program, selain daripada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.

## **6 NOTIS PENTING**

- 6.1 Bank berhak, selepas memberi notis selama dua puluh satu (21) hari, untuk menambah, memadam atau meminda mana-mana daripada Terma dan Syarat Perbankan TRUE di dalam ini pada bila-bila masa. Sebarang variasi, penambahan, pemadaman atau pindaan (“Pindaan”) kepada peruntukan di sini adalah mengikat ke atas Pelanggan dan Bank akan dianggap telah memaklumkan Pelanggan dengan sepatutnya tentang Pindaan tersebut:
  - 6.1.1 dengan memaparkan notis di mana-mana premis dan laman web Bank mengenai Pindaan tersebut yang mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan mungkin akan diberikan di dalam notis tersebut atau mungkin diberikan kepada Pelanggan apabila diminta; atau
  - 6.1.2 melalui notis yang dihantar oleh Bank ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui; atau
  - 6.1.3 dengan mengiklankan di dalam mana-mana akhbar pilihan Bank; atau
  - 6.1.4 melalui mel elektronik atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh Bank dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat ke atas Pelanggan dari tarikh pemberitahuan tentang Pindaan tersebut atau dari lain-lain tarikh yang sedemikian seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut.
- 6.2 Pelanggan memperakui bahawa Perbankan TRUE adalah peribadi dan tidak boleh dipindah milik.
- 6.3 Semua penyata akaun, notis atau sebarang bentuk komunikasi lain yang dihantar melalui pos kepada Pelanggan di alamat terakhir Pelanggan yang diketahui yang tercatat dalam rekod Bank atau sebarang alamat Pelanggan yang lain yang mungkin ditentukan oleh Bank menurut budi bicara mutlakannya, akan dianggap sebagai telah diterima sepenuhnya oleh Pelanggan dalam masa tujuh (7) hari selepas pengiriman dibuat.
- 6.4 Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera secara bertulis, dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh Pelanggan menerima atau dianggap telah menerima penyata akaun daripada Bank, tentang sebarang peninggalan, entri tidak betul, debit yang salah, kesilapan, perbezaan atau ketidaktepatan apa-apa jua pun dalam penyata akaun. Jika gagal berbuat demikian, Pelanggan akan dianggap telah menerima catatan yang terkandung di dalamnya yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam penyata akaun sebagai betul, muktamad, konklusif dan yang sama hendaklah mengikat ke atas Pelanggan dan Pelanggan akan terhalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa bahawa penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank mengandungi peninggalan, entri tidak betul, debit yang salah, kesilapan, perbezaan atau ketidaktepatan catatan.
- 6.5 Masa hendaklah menjadi inti pati di dalam ini tetapi kegagalan Bank di dalam menjalankan atau kelewatan di dalam menjalankan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedinya terhadap Pelanggan tidak akan berfungsi sebagai satu

penepian daripadanya dan sebarang pelaksanaan sebahagian daripada mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi juga tidak akan prejudis atau menjejaskan hak Bank untuk kemudiannya bertindak dengan tegas selaras dengannya.

- 6.6 Keharaman, ketidaksahihan atau tidak kebolehuatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Perbankan TRUE tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Perbankan TRUE yang lain di dalam ini.
- 6.7 Terma dan Syarat Perbankan TRUE yang dinyatakan di sini akan tertakluk pada, ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, pengawalaturan dan garis panduan badan-badan perundangan dan/atau pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Pelanggan akan tertakluk pada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 6.8 Walau apapun yang dinyatakan di dalam ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat Perbankan TRUE akan kekal berkuat kuasa dan memberi kesan dan akan kekal wujud selepas sebarang penamatan atau penggantungan keahlian Perbankan TRUE oleh Bank.
- 6.9 Terma dan Syarat Perbankan TRUE yang dinyatakan di dalam ini akan kekal sah dan mengikat meskipun berlaku sebarang pemindahan atau penyerahan perniagaan, operasi, aset atau liabiliti Bank atau sebarang perubahan dalam Bank atau mana-mana syarikat yang mana perniagaan Bank buat masa ini boleh diteruskan dan/atau kematian Pelanggan.
- 6.10 Terma dan Syarat Perbankan TRUE yang dinyatakan di sini adalah sebagai tambahan dan bukan mengurangkan sebarang pengaturan tertentu berkaitan dengan penggunaan Perbankan TRUE sekarang atau selepas ini kekal berterusan di antara Bank dan Pelanggan, atau mana-mana terma dan syarat seperti yang mungkin ditetapkan di dalam sebarang surat yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.
- 6.11 Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini akan mengikat ke atas pewaris, wakil peribadi dan pengganti hak milik Bank dan Pelanggan masing-masing dan hak serta obligasi Pelanggan di sini tidak boleh diserahkan ke atas apa-apa sebab jua sekalipun.
- 6.12 Semua terma dan syarat, aturan dan peraturan, perjanjian atau pengaturan sebelum ini, jika ada, yang dibuat antara Bank dan Pelanggan, sama ada secara bertulis atau lisan, berkaitan Perbankan TRUE dengan ini terbatal atau digantikan oleh Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini.
- 6.13 Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini adalah tambahan dan tertakluk pada perjanjian dan/atau peraturan dan pengawalaturan yang mentadbir operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berhubung dengan dan/atau yang timbul di bawah akaun Pelanggan yang disenggara dengan Bank.

## **7 KLAUSA PRIVASI**

- 7.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan **Notis Privasi Kumpulan AmBank** yang boleh

didapati di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) dan klausa yang dinyatakan di sini, seperti yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah digabungkan secara rujukan ke dalam Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini

- 7.2 Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan saudara terdekat Pelanggan dan tanggungannya, bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini:
  - 7.2.1 mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapat kebenaran mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank gunakan selaras dengan Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini;
  - 7.2.2 bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
  - 7.2.3 bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan material pada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - 7.2.4 bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini dan/atau Perbankan TRUE sekiranya kebenaran yang sedemikian ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 7.3 Bank boleh menggunakan mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit bagi tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - 7.3.1 memeriksa butiran pada permohonan kredit dan/atau yang berkaitan dengan kredit atau lain-lain kemudahan; menguruskan kredit dan/atau akaun atau kemudahan berkaitan kredit, termasuk menjalankan semakan terhadap portfolio Pelanggan; dan/atau mendapatkan semula hutang. Pelanggan akan dihubungkan oleh agensi pelaporan/ rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pelanggan gunakan atau telah gunakan dan juga sebagai kapasiti pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan milik Pelanggan dengan agensi pelaporan/ rujukan kredit yang berkenaan.
- 7.4 Walaupun selepas Pelanggan telah memberikan maklumat sedemikian kepada Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam perkara seperti ini, Bank berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan peruntukan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat yang sedemikian.
- 7.5 Bagi tujuan Klausa 7 ini, AmBank terdiri daripada AmBank (M) Berhad dan semua syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan serta perkhidmatan lain yang dikawal selia dan tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan lain-lain bentuk kehadiran yang beroperasi di luar Malaysia, dan

penggunaan perkataan "Bank" dan "milik Bank" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan AmBank.

- 7.6 Klausula 7 ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana klausula lain dalam Terma dan Syarat Perbankan TRUE ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

-Tamat-